

02/11/2003

Detik bersejarah peralihan kuasa secara demokratik

Syed Akbar Ali

PERALIHAN pimpinan tertinggi negara daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad (kini Tun) kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi peluang bersejarah bagi kita menyaksikan sistem peralihan kuasa secara demokratik dalam negara kita.

Kita harus berbangga kerana dalam tempoh 46 tahun kita telah menyaksikan pertukaran lima orang Perdana Menteri tanpa sebarang kesulitan atau huru-hara. Rekod yang sama tidak boleh dilihat di Amerika pun di mana Presiden Kennedy telah ditembak mati pada 1963 dan pelantikan Presiden George W Bush pada 2000 pula ditentukan oleh mahkamah walaupun beliau mendapat bilangan undi yang kurang daripada lawannya.

Di negara Perancis panglima tentera Perancis pernah mengadakan percubaan mengguling kerajaan pada tahun 50-an dan juga cuba beberapa kali untuk membunuh Presiden Charles De Gaulle yang memerintah pada waktu itu. Negara Itali pula telah menyaksikan pertukaran kerajaan lebih 50 kali dalam tempoh yang sama dan Sepanyol berada di bawah genggaman diktator General Franco hingga tahun 70-an.

Pada hari ini negara Eropah yang telah lebih awal memperkenalkan sistem demokrasi dan menjamin kebebasan rakyat juga menjadi negara yang paling maju. Negara bekas Tirai Besi seperti Bosnia, Czechoslovakia, Russia, Hungary dan sebagainya sekarang menjadi negara termiskin di Eropah. Mereka baru memulakan penghijrahan ke arah demokrasi dan kebebasan rakyat untuk menentukan masa depan sendiri. Mereka masih baru memulakan percubaan untuk institusikan proses dan tatacara demokrasi.

Dalam negara kita proses peralihan kuasa kerajaan sudah menjadi satu institusi yang bukan saja sudah ditetapkan tetapi telah diterima rakyat sebagai cara hidup kita selama hampir 50 tahun. Hingga kini peralihan kuasa dalam negara tidak diganggu oleh karisma pemimpin tertentu atau kedegilan falsafah politik atau agama tertentu untuk menggugat proses demokrasi ini.

Tetapi kesejahteraan ini tidak boleh terjamin jika kita tidak mengawasi falsafah songsang yang dipelopori pihak tertentu dan konco mereka dalam negara kita. Parti politik agama telah menyatakan bahawa sekiranya mereka menerajui pimpinan negara mereka akan mengadakan dua sistem perundangan. Mereka juga akan menegakkan 'hukum tertentu buatan mereka sendiri'. Mereka juga telah berkata bahawa mereka akan meletakkan pimpinan negara di bawah telunjuk pakar agama mereka. Mereka telah menyatakan dengan jelas bahawa sistem demokrasi tidak selalunya selaras dengan falsafah mereka sendiri.

Pendek kata mereka rela menukar sistem yang telah terbukti membawa kebaikan dengan sebuah sistem rekaan mereka sendiri yang telah terbukti gagal dan membawa bencana di negara lain. Tidak ada satu pun negara dalam dunia ini yang telah mencapai sebarang kejayaan dengan mengikuti falsafah mereka. Yang jelas adalah kemiskinan, kelesuan, kerosakan dan huru-hara yang menjadi cap meterai falsafah mereka.

Apa yang patut dikhuatiri ialah masih ada sebilangan rakyat kita yang sudi mendengar dan mempercayai falsafah kosong pihak ini. Ini bermaksud bahawa kita masih belum mendidik semua rakyat kita tentang kebenaran dan kebaikan dalam sistem pentadbiran kita yang telah membuahkan hasil yang baik berbanding dengan falsafah kosong yang juga tidak mempunyai bahagian daripada rahmat Allah.

Walaupun kita berada dalam abad ke-21, banyak perkara dalam negara kita masih belum diinstitusikan dan tidak boleh berfungsi dengan sendirinya.

Kita masih mempunyai psikoloji yang bergantung kepada pemimpin terutama sekali pemimpin tertinggi seperti Perdana Menteri untuk memutuskan sesuatu. Maka inilah sebabnya pertukaran jawatan Perdana Menteri selalu membawa begitu banyak tanda 'tanya dan perasaan gementar juga'.

Pada waktu Dr Mahathir mula menerajui pimpinan tertinggi kerajaan ramai orang terutama sekali kaum bukan Bumiputera meragui masa depan mereka. Sekarang ramai daripada bukan Bumiputera amat sedih melihat Dr Mahathir bersara kerana beliau mengambil iktibar tersendiri untuk menentukan kejayaan terlalu banyak perkara yang telah membawa kemajuan kepada negara kita selama 22 tahun.

Ini adalah kerana terlalu banyak perkara dalam negara kita, termasuk perkara kecil pun, masih memerlukan pembabitan terus pemimpin tertinggi untuk memutuskannya. Contohnya masalah kecil paras air tinggi akibat daripada empangan kecil yang dibina di Tasik Bera di Pahang tidak dapat diselesaikan sehingga Dr Mahathir melawati empangan itu dan mengarahkan tiub getah digunakan untuk menyalurkan air yang berlebihan. Begitu juga sebuah bank kepunyaan kerajaan telah meminta persetujuan Dr Mahathir untuk memilih logo baru bank itu.

Psikologi yang amat membantutkan ini sangat berleluasa dalam negara kita. Maka sebab itulah kita mendengar rungutan tanpa henti bahawa tanpa mengenali orang tertentu atau bantuan orang yang berpangkat banyak perkara tidak dapat diputuskan. Banyak perkara daripada kebebasan beragama sehingga memulakan perniagaan baru memerlukan bantuan orang tertentu untuk mendapat kelulusan ataupun untuk memastikan tiada halangan yang akan dihadapi.

Dan seringkali tanpa penglibatan pejabat Perdana Menteri sesuatu perkara itu tidak dapat diputuskan. Ini bermaksud bahawa kemajuan negara dan masa depan kita bergantung rapat kepada penglibatan mikro (micro management) oleh pimpinan tertinggi.

Ini tidak bermaksud bahawa ini adalah pendekatan yang tidak baik tetapi negara kita sekarang begitu sibuk dengan ekonomi dan politik 23 juta orang rakyat. Ekonomi Malaysia adalah antara yang terbesar di rantau ini. Sudah tentu pimpinan tertinggi tidak mempunyai waktu dan keupayaan tanpa had untuk mengurus semua perkara secara "micro-management".

Kita perlu kukuhkan sistem pentadbiran negara dan jentera kerajaan supaya negara kita dapat berfungsi dengan baik dan jayanya mengikut kekuatan arus sendiri tanpa terlalu banyak bergantung kepada pembabitan mikro pemimpin seperti Perdana Menteri dan Menteri Kabinet. Ini memerlukan kematangan dalam pemikiran rakyat dan juga kematangan dalam kebolehan jentera pentadbiran kerajaan. Pimpinan kerajaan harus menetapkan dasar kerajaan dan dasar pembangunan yang baik tetapi rakyat dan jentera pentadbiran kerajaan perlu diberi kebebasan dan kebolehan untuk merealisasikan dasar kerajaan.

Sebagai contohnya kerajaan telah menetapkan dasar pendidikan tinggi yang membenarkan penubuhan universiti dan kolej swasta di semua tempat. Sejak penggabalan dasar ini ratusan universiti dan kolej swasta telah diwujudkan yang sekali gus mengubah peluang pendidikan tinggi bagi rakyat kita. Puluhan ribu anak muda tidak perlu ke luar negara untuk menuntut pengajian universiti. Mahasiswa asing sekarang 'datang ke negara kita menuntut di universiti tempatan'.

Universiti swasta bebas menetapkan bidang pengajian yang ditawarkan. Oleh itu mereka menyediakan kursus pengajian yang tampan dengan ekonomi dan kehendak pasaran. Penuntut universiti swasta berpeluang mengikuti kursus yang lebih praktik dan membantu mereka mendapat pekerjaan dengan cepat.

Tetapi keadaan di universiti kerajaan pula masih gelap dan tidak menentu. Lebih 60 peratus penuntut di universiti kerajaan terdiri daripada

wanita. Walaupun demikian, hampir 80 peratus daripada 40,000 orang graduan wanita masih menganggur. Dan daripada jumlah yang menganggur ini hampir semuanya berkelulusan dalam bidang agama dan sastera. Apakah universiti kerajaan tidak tahu akan hakikat ini?.

Menambahkan pengajian dalam bahasa Inggeris dan menawarkan kursus yang lebih praktik akan meningkatkan peluang graduan mendapat kerja dan berfungsi dalam ekonomi negara. Tetapi sekali lagi masalahnya ialah universiti kerajaan tidak bebas untuk menentukan kiblat yang tersendiri. Semuanya memerlukan penglibatan mikro oleh pimpinan tinggi kerajaan.

Semangat "Malaysia Boleh" itu tidak khusus kepada mendaki gunung atau mengharungi lautan dalam saja. Kita perlu institusikan semangat yang membolehkan supaya tidak terlalu bergantung kepada individu pemimpin.